

26/11/1997

Urus niaga wang perlu peraturan lengkap

SUDAH banyak pertubuhan yang membabitkan penyertaan negara utama di dunia menyatakan kebimbangan berhubung isu urus niaga mata wang. Di pentas antarabangsa mereka dilihat bersepakat merumuskan deklarasasi dan mengeluarkan pernyataan bersama menyokong perlunya usaha pembedahan di pasaran mata wang, dilakukan segera, sebelum ia menjadi lebih liar. Keputusan persidangan menteri Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) adalah langkah terbaru yang kita anggap seiring dengan deklarasasi yang dibuat dalam persidangan peringkat antarabangsa dan serantau sebelum ini. Kita menunggu pula keputusan di peringkat ketua negara Apec.

Setakat ini, kita melihat memang ada kesepakatan membendung masalah yang menghantui banyak negara kebelakangan ini. Tetapi apa yang membimbangkan kita ialah dari segi kesungguhan melaksanakan pendirian yang diambil bersama itu. Jika tidak ada langkah drastik diambil, kita bimbang pertubuhan itu akan hilang kredibilitinya. Apabila bertemu sekali lagi setahun atau dua tahun akan datang, perkara yang sama diulang dengan bahasa yang berbeza pula. Kita tidak mahu sandiwara seperti ini terus dipentaskan di persada antarabangsa kerana ia tidak lebih daripada membuang masa dan tenaga. Pada kita setiap keputusan yang diambil adalah perlu disusuli dengan tindakan, bukan sekadar syarat untuk memenuhi tuntutan. Dalam konteks kegiatan manipulasi dan spekulasi pasaran, hampir semua negara bersetuju supaya ia dibendung, tetapi mengapa ia terus berlaku. Kita percaya setakat ini pun, mekanisme yang dicadangkan untuk membetulkan keadaan sudah pun dalam pengetahuan semua pihak. Malangnya, serangan terhadap mata wang di negara sasaran terus menjadi-jadi. Negara yang mempunyai asas ekonomi yang kukuh pun, mula berasa bahang akibat serangan bertubi-tubi ini. Apakah kita mahu melihat satu demi satu negara tersungkur, baru tindakan menyelamat harus dilakukan. Atau, adakah memang ini yang ditunggu kerana negara yang diselamatkan akan masuk ke dalam perangkap negara kuasa besar. Kita sudah pun dapat melihat keadaan ini apabila Amerika Syarikat sendiri cuba mengembangkan sayapnya dengan menggunakan pengaruh yang begitu licik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin sekali lagi mengutarakan harapannya agar Apec membuat keputusan dengan mengadakan peraturan ketat bagi mengawal kegiatan urus niaga mata wang yang kesannya boleh memiskinkan sesebuah negara. Apa yang sukar difahami mengapakah masih ada kuasa dunia yang sengaja menggembar-gemburkan bahawa keadaan yang berlaku hari ini bergantung kepada kuasa pasaran. Sekalipun kuasa pasaran memberi kesan kepada urus niaga mata wang, mangsanya tentulah negara yang tidak kukuh asas ekonominya. Tetapi, melihat kepada kejatuhan nilai mata wang yang dihadapi hari ini, ia tidak ada kaitan dengan asas ekonomi sesebuah negara. Asas ekonomi Malaysia diakui kukuh oleh pelbagai pihak termasuk pertubuhan ekonomi antarabangsa, pelabur terkemuka dunia dan penganalisis ekonomi tetapi ia tetap tidak menjamin kestabilan mata wang. Janganlah terlalu taksud kepada kuasa pasaran kerana hakikatnya ada kuasa lain yang digelar spekulator dan manipulator pasaran yang menyuntik sentimen dan menjadi punca pasaran urus niaga mata wang dalam keadaan kelam kabut. Bagi kita kuasa pasaran hanyalah salah satu elemen yang menentukan keadaan urus niaga. Ada elemen lain yang lebih dahsyat dipergunakan secara terancang untuk merosak ekonomi sesebuah negara. Apa yang kita tidak mahu ialah ada pihak yang sengaja menjadikan alasan supaya tidak ada pihak mempersoalkan kegiatan pihak tertentu di pasaran. Dengan

menjuruskan pemerhatian kepada soal kuasa pasaran, mudahlah spekulator dan manipulator ini menggunakan kuasa mereka untuk mempengaruhi pasaran. Hakikatnya golongan ini mempunyai wang yang banyak untuk menentukan corak pasaran mengikut kehendak mereka.

Oleh itu, jika pihak yang terlalu taksud dan percaya terhadap kuasa pasaran supaya membuka mata dan melihat kepada realiti pasaran sebenar, kita percaya mereka akan dapat melihat berlakunya pelbagai penyelewengan yang begitu menakutkan. Kita percaya jika peraturan yang lebih bertamadun diperkenalkan untuk membetulkan keadaan urus niaga pasaran, kita akan dapat melihat jalan yang lebih selamat. Sesungguhnya, kita yang menentukan sistem pasaran sedia ada. Oleh itu, ia bukanlah sesuatu yang tidak boleh dirombak. Jika sistem yang ada sekarang boleh meruntuhkan sesebuah negara, kita perlu menggantikannya dengan satu sistem yang lebih bermakna.

(END)